



UNIVERSITI
MALAYA



UM.H(T)/170/2

31 Julai 2015

Pengarah, Akademi Pengajian Islam
Pengarah, Akademi Pengajian Melayu
Dekan, Fakulti Alam Bina
Dekan, Fakulti Bahasa dan Linguistik
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Dekan, Fakulti Pendidikan
Dekan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
Dekan, Fakulti Pergigian
Dekan, Fakulti Perubatan
Dekan, Fakulti Sains
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Dekan, Fakulti Undang-Undang
Pengarah Eksekutif, Institut Asia Eropah
Pengarah Eksekutif, Institut Kepimpinan Pendidikan
Pengarah, Pusat Kebudayaan
Pengarah, Pusat Sukan

☐ Untuk tindakan: _____

☐ Edaran

☐ Fail


PROFESOR DR. ABDULLAH GANI
Dekan
Fakulti Sains Komputer & Teknologi
Maklumat

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN SYARAT PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR UNTUK PEPERIKSAAN TESIS
CALON IJAZAH KEDOKTORAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Senat dalam mesyuaratnya pada 30 Julai 2015 telah bersetuju meluluskan pindaan syarat pelantikan Pemeriksa Luar untuk peperiksaan tesis calon Ijazah Kedoktoran seperti di **Lampiran A**.

Syarat-syarat pelantikan Pemeriksa Luar yang baharu ini berkuatkuasa sehari selepas tarikh mesyuarat Senat bagi pelantikan Pemeriksa Luar yang masih belum diperakukan ke mesyuarat PTj.

Salinan elektronik bagi lampiran tersebut boleh dimuat turun dari laman web *UMPortal* > *Bah. Akademik IPS* > *Unit Tesis*.

Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan dipohon untuk memanjangkan perkara ini kepada semua calon dan staf yang berkenaan.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan.

Yang benar,



PROFESOR DR. FAUZA ABDUL GHAFAR

Dekan

Institut Pengajian Siswazah

s.k. Timbalan Pengarah/ Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) PTj Akademik
Timbalan-Timbalan Dekan, IPS
Timbalan Pendaftar, IPS
Ketua Penolong Pendaftar / Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi), PTj Akademik
Pegawai-Pegawai, IPS

**PINDAAN SYARAT-SYARAT PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR UNTUK PEPERIKSAAN
TESIS CALON IJAZAH KEDOKTORAN
(KELULUSAN SENAT 30.7.2015)**

1. Sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa Luar hendaklah dilantik oleh Senat untuk memeriksa tesis calon. Sekiranya tiada kepakaran yang sesuai di kalangan guru Universiti untuk dilantik sebagai Pemeriksa Dalam, seorang lagi Pemeriksa Luar boleh dilantik untuk menjalankan kewajipan Pemeriksa Dalam.
2. Pemeriksa Luar yang dilantik mempunyai PhD atau setara.
3. Pemeriksa Luar seboleh-bolehnya seorang Profesor. (Sekiranya bukan bertaraf Profesor justifikasi kukuh perlu dikemukakan).
4. Pemeriksa Luar hendaklah mempunyai 5 penerbitan dalam tempoh 5 tahun terkini seperti berikut:
 - (a) Bidang Sains : Penerbitan dalam Jurnal *ISI Web of Science (WoS)*
 - (b) Bidang bukan Sains : Penerbitan dalam
 - Jurnal ISI Web of Science (WoS)
Penerbitan dalam jurnal-jurnal yang disenaraikan dalam WoS di bawah database *Science Citation Index Expanded™*, *Social Sciences Citation Index®* dan *Arts & Humanities Citation Index®*.atau;
 - Jurnal kategori A mengikut fakulti
Penerbitan dalam jurnal-jurnal yang disenaraikan dalam indeks *Scopus*; atau *ERA Journal List (Australian Research Council)*.atau;
 - Buku dan bab buku yang diterbitkan oleh penerbit dari senarai penerbit *ISI Web of Science (WoS) Master Book List*, *Thomson Reuters*(Sekiranya tidak memenuhi syarat penerbitan justifikasi kukuh perlu dikemukakan).
5. Pemeriksa Luar hendaklah dilantik dari kalangan Universiti yang ternama dan terkemuka di luar Negara. (Sekiranya pemeriksa luar dari dalam Negara ingin dilantik, justifikasi kukuh perlu diberikan).
6. Kedua-dua Pemeriksa Luar yang dilantik bagi calon yang sama hendaklah dari Universiti yang berbeza.

7. Profesor Emeritus atau Profesor Adjung atau Profesor Pelawat Universiti Malaya tidak boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar.
8. Bekas guru sepenuh masa Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar dengan syarat beliau telah meninggalkan perkhidmatan Universiti Malaya untuk tempoh tidak kurang dua (2) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Pemeriksa Luar.
9. Siswazah Universiti Malaya yang merupakan bekas pelajar kepada penyelia calon boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar dengan syarat beliau telah menamatkan pengajian di Universiti Malaya dalam tempoh tidak kurang dua (2) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Pemeriksa Luar.
10. Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah tidak mempunyai tali persaudaraan rapat dengan calon.
11. Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah tidak menjalinkan kolaborasi penyelidikan dan penerbitan dengan penyelia dan calon.
12. Pelantikan Pemeriksa Luar yang sama bagi Penyelia yang sama hendaklah terhad kepada dua (2) kali setahun. (Walaubagaimanapun bilangan penamaan sebagai calon Pemeriksa Luar simpanan tidak diambil kira).
13. Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan boleh melantik Pemeriksa Luar untuk memeriksa tesis calon dengan syarat pelantikan tersebut itu hendaklah dilaporkan dalam mesyuarat Fakulti dengan secepat mungkin.
14. Pemeriksa Luar yang dilantik untuk memeriksa tesis calon hendaklah menyerahkan laporannya dalam format yang ditetapkan dengan seberapa segera yang boleh tetapi tidak melebihi dua (2) bulan dari tarikh tesis diterima oleh beliau. Dekan boleh memperakukan kepada Fakulti bagi menggantikan Pemeriksa Luar yang tidak menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan dengan Pemeriksa Luar yang lain.